



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Vol 2, No 1.

Rabiulakhir-Jamadalakhir 1437H/ January-March 2016

النشرة
AL-NASHRAH

>>> Quarterly UNISSA Newsletter

Titik

Beta gembira dan bangga jika kesemua acara dan program yang disusun itu menepati lunas-lunas Islam tulen. Janganlah seperti setengah pihak, cuma dalam bahasa ia indah, mahukan kualiti rohani berteraskan MIB, tetapi yang jadinya bukan MIB.

Melalui *Mahrajan* atau Pesta Konvo pertama UNISSA ini, perlulah didedahkan seberapa banyak acara dan program yang berfaedah untuk melatih para mahasiswa dan mahasiswi, bagaimana bertindak dan berfikir secara bijaksana, bukannya hanyut dengan keseronokan-keseronokan melulu yang mematkan hati.

Semua orang sangat ghairah bercakap mengenai 'identiti'. Namun dalam masa yang sama, bukan semua orang bersikap konsisten mengagungkan identiti, melainkan kadang-kadang, ada juga yang memcemarkan identiti, walaupun baru sebentar bercakap mengenai identiti.

Titik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Majlis Perasmian Mahrajan Hafid Takharrij Pertama dan Istiadat Pelancaran Penulisan Mushaf Al-Qur'an UNISSA pada hari Isnin, 26 Zulkaedah 1432H/24 Oktober 2011M bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

UNISSA Actively Promotes The Language Of Al-Quran



The Universiti Islam Sultan Sharif Ali's (UNISSA) Centre for the Promotion of Knowledge and Languages (CPKL) has implemented various programmes and activities, in a bid to promote Arabic, the language of Al-Quran.

Speaking at the launching of the international seminar on 24 Rabiulakhir 1437 correspondence to 3 February 2016 in UNISSA, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, the Minister of Education, explained that the projects reflect the aspirations of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, to encourage Al-Quran memorization and literacy in Brunei.

Meanwhile Dr Salah Sebouai, Director of the CPKL, described the two-day seminar as one of the Centre's latest efforts to boost the field of language by bringing together scholars and educators to discuss new developments in the teaching of language skills.

"I see CPKL's hosting of this seminar as an excellent attempt to promote effective methods in the teaching and learning of language, especially Arabic and English for Malay speakers."



A presentation by Assoc. Prof. Dr Abdul Rahman bin Chik from the International Islamic University Malaysia (IIUM) during the international seminar hosted by Centre for the Promotion of Knowledge and Languages (CPKL) UNISSA.

'Teaching and Learning Language Skills for Non-Native speakers: Present and Future Expectations', the seminar is a first step towards future international events which encourage the implementation of modern technology, as well as the practical application of theory in linguistics.

Inside this Issue:

UNISSA Promotes The Language of Al-Quran	1
UNISSA Is Planning To Reform Its Strategic Plans	3
Nadwah Shaf'iyyah	4
Kepentingan Kitab Turath	5
Bengkel Bantu Tenaga Akademik	6
Forum Perdana Ekonomi Islam	8
A Visit To UNISSA	9
UNISSA Is Planning To Publish Shaf'i Encyclopedia	10
UNISSA And USIM Forge Links	11
Bengkel Pengurusan Jenazah	12
UNISSA Sertai Ekspo Pengajian Tinggi 2016	13
Authors Sign Agreement With UNISSA	14
UNISSA Hidupkan Interaktif Perbincangan Ilmu	15
Sukan Tahunan Labuh Tirai	16

Oman Publications Corner Launched At UNISSA Library



Pehin Datu Lailaraja Major General (Rtd) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, the Minister of Culture, Youth and Sports, launching the Oman Publications Corner held at UNISSA Library.

An Omani Book Corner was officially launched on 21 Jamadilawal 1437 correspondence to 1 March 2016, at the Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) library, by Sheikh Ahmed bin Hashel bin Rashed bin Hashel Al-Maskari, the Ambassador of the Sultanate of Oman to Brunei Darussalam.

The launching took place in the presence of Pehin Datu Lailaraja Major General (Rtd) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, the Minister of Culture, Youth and Sports. In his speech, the ambassador outlined the major milestones achieved between both countries, in their mutual cooperation on culture and education.

"Starting with the renewal of the Memorandum of Understanding on cultural co-operation in 2012, along with the visit of His Highness Sayyid Haitham bin Tariq Al-Said, the Minister of Heritage and Culture, to Brunei Darussalam, in March 2014 – and the subsequent launching of Oman Culture Days – and of course, the recent visit paid by Pehin Datu Lailaraja Major General (Rtd) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi to Oman last November – which I understand was his first official overseas assignment in his new post – we also take pride in the fact that our two countries have regularly participated over the past few years.

"These include various cultural and intellectual activities, organised either in Brunei or Oman, such as the Muscat Festival, the Salalah Tourism Festival and the Muscat Book Fair, along with the Brunei International Book Fair, in which Oman is currently participating."

Ahmed bin Hashel Al-Maskari described the launching of the Omani Book Corner as "a fruit of productive joint cooperation" between the Oman Embassy and UNISSA, which also saw four students from UNISSA taking an eight-week Arabic language course in Oman, last year.

In his speech, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Rector of UNISSA, expressed his gratitude to the Embassy of the Sultanate of Oman in Brunei Darussalam for donating books on various subjects, ranging from History, Science, Culture, Arts and Heritage.

"We are honoured to be given the opportunity to receive this gift, and we assure that it will be used accordingly, serving as a medium in enriching and expanding the knowledge of the people of Brunei Darussalam on the Sultanate of Oman," he said.

The Omani Book Corner contains over 500 books by prominent Omani scholars, exposing readers to the Arabic language, in addition to the uniqueness of Omani culture and traditions. The books range from recent publications – covering Oman's history, geography, literature and culture – to academic disciplines on Arabic linguistics, Islamic jurisprudence and religious doctrine.

UNISSA Is Planning To Reform Its Strategic Plans



Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) is looking to revise its ten-year strategic plan 2009-2018, following the rapid advancement of its educational environment said its Rector. Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal said that the university's strategic plan needs to be improved because its educational environment is changing over time in terms of policies and objectives.

"We need to start reviewing the institute's plan in line with our new environment. We see changes in terms of policies and objectives in improving the university" said Dr Haji Norarfan who was appointed as UNISSA's Rector in 2014. "We need to be realistic, with all new things that came up in recent years, indeed it will affect the university's strategic plan," he said.

He said that the introduction of the Academic Staff Service Scheme (SPTA) introduced in 2014 drives them to reformulate the strategic plans. "Before the establishment of SPTA, we are lacking professional lecturers from other countries. But with this scheme, more are coming forward. To ensure they (lecturers under the scheme) keep on following the rules under the scheme, we need to standardise the strategic plan with new matter that happened in recent years," he said.

When asked on their plan within these remaining years before the end of the strategic plan, he said that collaboration among officers and personnel and understanding the university's progress as well as changes are essential in achieving the plan.

"We have another two years to complete our first strategic plan, the officer and personnel need to be more active and work hand in hand in this matter, if it's not clear with what we want to achieve, then it will curb us to achieve success," he said. He said that the next strategic plan for UNISSA will focus on making the university as a centre hub for higher Islamic education in this region.

"We believe that with the future construction of a new campus for UNISSA in Temburong, it will help the university to achieve its aim in making Brunei as a centre for Islamic teaching in the country."

"Brunei is a country that can offer a pure religious education in this region because Islam here is really centralised and not mixed up with other different Islamic values or teachings," he said, adding that many foreign students choose to come to Brunei due to its genuineness in Islamic teachings.

UNISSA Is The Champion



UNISSA students from the Faculty of Shariah and Law won the Thomas Phillips Moot Debate Competition at the Annual Conference Malaysia 2016.

Three members of the Asian Law Students' Association (ALSA) Brunei who are also students of the Shariah and Law from Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) won the Thomas Phillips Moot Debate Competition at the Annual Conference in Malaysia 2016.

The Annual Conference is one of the two biggest events in the ALSA International where law students from 15 countries come together to attend the Governing Council Meeting; and participate in the Moot Debate Discussions and the Model United Nations.

ALSA Brunei sent three moot debaters this year. They were Awang Rusyiddin bin Bagul, Dayang A'bidah binti Mahri and Awang Hafiz bin Hamzulani.

Out of the 15 National Chapters, five National Chapters participated in the competition, namely ALSA Brunei, ALSA Taiwan, ALSA Thailand, ALSA Malaysia and ALSA Laos.

The moot problem was disseminated to all teams a month before the Annual Conference. The teams had exactly one month to prepare the Bundle of Authorities/Memorials. The moot problem focuses on the topic of International Criminal Law.

ALSA Brunei also sent five students from the Faculty of Shariah and Law of UNISSA to participate in the Model United Nations. Awang Abdul Hakim bin Ahmad Zakaria and Dayang NurHani binti Haji Chiqli were named as the winners for having the 'Best Position Paper'.

بداية الفصل الدراسي الثاني: بدأ الفصل الدراسي الثاني 2016م
في شهر يناير بعد قضاء عطلة نهاية العام.

Forum Nadwah Shafi'iyah: Cambahan Fikiran Ilmiah



Tiga ahli panel dalam Nadwah Shafi'iyah terdiri daripada Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (dua dari kanan), Dr H. Harapandi Dahri (hujung kanan), dan Yang Berbahagia SAC Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay (dua dari kiri).

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam sangat sesuai untuk membincangkan isu Radikal dan Ekstremis yang sangat meruncing dalam suasana ilmiah dengan menampilkan mereka yang pakar.

Wacana Ilmiah itu sangat penting dalam memberikan kefahaman yang tepat dengan perjuangan yang dianjurkan oleh syarak di samping mengupas isu-isu berkait fahaman perjuangan ekstremis dan gerakan radikal yang aktif merekrut golongan belia Islam yang 'cetek' pertahanan fahaman Islamnya.

Nadwah Shafi'iyah itu telah diadakan pada 18 Jamadilawal 1437 bersamaan 27 Februari 2016 bertempat di Auditorium UNISSA.

Menerusi Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i (PPMS), UNISSA telah mengetengahkan tiga barisan pakar yang berkongsi pentas membincangkan 'Gerakan Radikal dan Ekstremisme Agama, Siapakah Sebenarnya?'.

Ahli panel terdiri daripada Yang Berbahagia SAC Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay (Malaysia), Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (Brunei) dan Dr H. Harapandi Dahri, (Indonesia). Manakala moderator ialah Awang Haji Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.

Perbincangan akademik itu adalah program yang direncana oleh PPMS dengan diberi nama Nadwah Shafi'iyah sebagai aktiviti

berterusan PPMS yang dihasratkan menjadi satu wadah yang berkesan untuk mengupas isu-isu semasa secara bersistematik dan interaksi secara langsung dapat dilakukan di antara penceramah dan orang ramai yang setentunya dapat menjawab pelbagai persoalan yang timbul.

Majlis ilmu itu sangat sesuai dengan fungsi PPMS dalam memberi bimbingan dan khidmat nasihat kepada masyarakat tentang pemikiran, ajaran dan hukum-hakam Mazhab Shafi'i.

Objektif majlis ilmu antara lain bagi mencambah fikiran secara ilmiah berdasarkan bukti dan dalil terhadap suatu isu yang melanda umat Islam; mendedah pendapat fuqaha Mazhab Shafi'i kepada orang ramai tentang isu yang berkaitan; menjalin kerjasama erat di antara UNISSA dengan institusi dalam dan luar Negara; dan memelihara kewujudan dan memastikan Islam berlandaskan pandangan Mazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam akan terus utuh.

Para peserta Nadwah Shafi'iyah ini terdiri daripada warga wakil jabatan kerajaan dan swasta, ahli Wakil Jawatankuasa Takmir Masjid dan Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung dan Mukim, pelajar Institusi Pengajian Tinggi tempatan, pelajar sekolah menengah dan orang ramai.

Ucapan Tahniat kepada:



Dr Haji Ahmad Baha' bin Mokhtar, Penolong Pensyarah di Fakulti Usuluddin yang telah lulus pengajian di peringkat Ph.D dan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Malaya, Malaysia pada 27 Ogos 2015.

Ucapan Tahniat dan Selamat Datang kepada:



Dr Adam bin Haji Jait yang sebelumnya bertugas di KUPU SB di atas kenaikan pangkat sebagai Penolong Profesor, UNISSA dan telah melapor diri pada 9 Februari 2016.



Dr Widad binti Haji Abdul Aziz
Pensyarah
Fakulti Syariah dan
Undang-Undang
dan telah melapor diri pada
3 Mac 2016.

Kepentingan Kitab Turath Diketengahkan



Peserta Bengkel Tafaqquh Kitab Turath Mazhab Shafi'i bergambar ramai dengan Pengerusi bengkel, Dr Azme bin Haji Matali (tiga depan dari kanan) dan tenaga pengajar bengkel, Prof Madya Dr Abdel Wadoud Moustafa Moursi El Seoudi (dua depan dari kanan), Dr Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Ismail (hujung depan kanan), Dr Abdurrahman Raden Aji Haqqi (dua depan dari kiri) dan Dr Maiga Mohamed Hamadikinane (hujung depan kiri).

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i telah mengadakan bengkel Tafaqquh Kitab Turath Mazhab Shafi'i yang berlangsung selama dua hari bermula 30 Rabiulakhir - 1 Jamadilawal 1437 bersamaan 10-11 Februari 2016.

Seramai 65 orang peserta telah menghadiri bengkel berkenaan terdiri daripada pegawai kerajaan dan para pelajar institusi pengajian tinggi.

Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, UNISSA, Dr Azme bin Haji Matali, selaku Pengerusi Bengkel menjelaskan bahawa program ini dinamakan Bengkel Tafaqquh Kitab Turath Mazhab Shafi'i adalah bagi melihat kepada Perlembagaan Negara yang menekankan tentang pegangan di negara ini dalam Mazhab Shafi'i.

"Oleh itu, Kitab Turath yang dipilih dalam bengkel ini ialah *al-Majmu'* karangan Imam Nawawi (bahasa Arab) dan *Matla' al-Badrain* karangan Muhammad bin Ismail Daud Fatani (bahasa Melayu) adalah kitab yang berasas kepada aliran Mazhab Shafi'i," jelas beliau lagi.

Dengan adanya bengkel ini diharap akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan mempelajari Kitab Turath.

"Para peserta amat beruntung kerana tenaga pengajar bagi kedua-dua sesi bengkel ini adalah terdiri daripada para pensyarah yang berkepakaran dalam bidang Fiqh sesuai dengan kitab yang akan diajarkan. Mereka ialah Profesor Madya Dr Abdel Wadoud Moustafa Moursi El Seoudi, Dr Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Awang Ismail, Dr Abdurrahman Raden Aji Haqqi dan Dr Maiga Mohamed Hamadikinane," tambah beliau.

Bengkel ini juga adalah usaha untuk mengetengahkan peranan Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, UNISSA, yang dihasratkan akan menjadi medan penyelidikan Mazhab Shafi'i, di samping memberikan sumbangan kepada masyarakat dalam usaha berterusan memberikan kefahaman yang benar dan tepat mengenai hukum-hakam dan isu yang berkaitan dalam permasalahan fiqh.

UNISSA Kibarkan Bendera Negara



Penyerahan bendera kebangsaan oleh Rektor UNISSA kepada Pasukan Kadet Tentera UNISSA, diketuai oleh Koperal Awang Ahmad 'Arif As'ad bin Awang Haji Ali.

Pada 30 Rabiulakhir 1437 bersamaan 9 Februari 2016 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan upacara menaikkan bendera negara, bertempat di Kawasan Letak Kereta Zon 'A', UNISSA.

Upacara penaikan bendera itu diadakan bagi sama-sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32 Tahun. Bendera negara perlu dikibarkan oleh setiap rakyat di negara ini supaya sentiasa hidup bertanggungjawab, berbakti dan berjasa pada agama serta negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Rektor UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan disusuli dengan penyerahan bendera kebangsaan oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar merangkap Pengerusi Majlis, Awang Supri bin Haji Sudin kepada Rektor UNISSA yang seterusnya menyerahkan bendera kepada Pasukan Kadet Tentera UNISSA, diketuai oleh Koperal Awang Ahmad 'Arif As'ad bin Awang Haji Ali.

Majlis diteruskan dengan upacara menaikkan bendera diiringi dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Upacara tersebut diadakan bagi menyahut seruan negara dalam sama-sama mengibarkan bendera negara di bangunan-bangunan kerajaan, di samping dapat meningkatkan rasa cinta terhadap tanah air.

Bengkel Bantu Tenaga Akademik UNISSA Memantapkan Proposal Penyelidikan

Dalam usaha untuk mencapai sasaran melahirkan lebih ramai tenaga akademik tempatan berkepakaran dan sejajar dengan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA) yang sudah berjalan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Penyelidikan dan Penerbitan telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Proposal Tesis M.A. dan Ph.D pada 20 Rabiulakhir 1437 bersamaan 30 Januari 2016 di Bilik Latihan L1.3, UNISSA.

Bengkel berkenaan telah mensasarkan para tenaga akademik UNISSA yang sedang dalam perancangan menyediakan proposal penyelidikan di peringkat siswazah dan doktor falsafah. Bengkel tersebut sangat relevan sebagai platform yang akan membantu tenaga akademik UNISSA dalam memantapkan proposal penyelidikan mereka.

Proposal penyelidikan memerlukan penyediaan yang sangat rapi kerana ia adalah gambaran kepada sebuah penyelidikan secara komprehensif dan merupakan sebuah pengenalan kepada cadangan penyelidikan yang akan dilaksanakan.

Ia memberikan maklumat asas mengenai bidang yang hendak dikaji, isu-isu, objektif, persoalan, metodologi dan kepentingan

penyelidikan, yang mana isi kandungan proposal hendaklah padat dan mengandungi semua maklumat penting bagi memberi kefahaman yang jelas mengenai penyelidikan yang akan dilaksanakan.

Bengkel tersebut merangkumi penyediaan proposal pengajian lepas ijazah dalam tiga bahasa iaitu bahasa Arab, Melayu dan Inggeris, sesuai dengan kedudukan UNISSA sebagai sebuah institusi yang menggunakan ketiga-tiga bahasa ini dalam pengajaran dan pembelajaran.

Fasilitator bengkel terdiri daripada kalangan tenaga akademik UNISSA yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan.

Bengkel antara lain diharapkan dapat memberikan latihan kepada para peserta dalam penulisan proposal, di samping menambah baik mutu proposal yang sudah dihasilkan.

Sesungguhnya proposal yang baik dan mempunyai hala tuju yang jelas akan memudahkan para jawatankuasa penilai untuk memahami kehendak penyelidikan dan seterusnya memudahkan penyelidik sendiri dalam kajian dan penulisan tesis mereka selanjutnya.




Dr Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan UNISSA semasa menyampaikan Bengkel Penyediaan Proposal Tesis M.A. dan Ph.D, UNISSA.



Sebahagian daripada peserta bengkel yang terdiri daripada pensyarah tempatan UNISSA.

UNISSA Celebrates Maulidur Rasul



A religious talk was delivered by the guest speaker from Malaysia, Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid during the Maulidur Rasul celebration being held at UNISSA Auditorium.

The Student Affairs Section of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) held a Maulidur Rasul celebration on 18 Jamadilawal 1437 correspondence to 27 February 2016 which was followed with thanksgiving prayers to mark the ninth anniversary of the institution's establishment.

Present as the guest of honour was Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Rector of UNISSA.

Also in attendance was Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA, and Dr Arman bin Haji Asmad, Assistant Rector of UNISSA.

Attended by more than 300 UNISSA undergraduates, the ceremony began with a recitation of Surah Al-Fatihah, followed by a religious talk delivered by Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid, a guest speaker from Malaysia.

In his talk, Ustaz Don Daniyal emphasised on the importance of an education system based on the concept of 'Appreciating the Sunnah of Prophet Muhammad (PBUH)', which was the main theme of the event. Afterwards, the ceremony continued with a Dikir Marhaban performance, and the reading of a special Doa Selamat for the occasion.

International Language Seminar



Dr Shohibudin Laming (far right) and Dr Ali Obeid Braima (2nd row from right), both lecturers from the Centre of Promotion of Knowledge & Language presenting their papers during the seminar held at Jubli Hall, UNISSA.

On 24-25 Rabiulakhir 1437 correspondence to 3 and 4 February 2016, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) held an international seminar titled 'Teaching and Learning of Language for Non-native Speakers: Reality and Expectations'. The seminar was organised by Centre for the Promotion of Knowledge and Language Learning (PPIB) in an effort to support its development.

Present to officiate the seminar was Education Minister Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Suyoi bin Haji Osman.

The seminar featured several experts from other countries including Oman, Malaysia, Indonesia, Thailand, Egypt, Bangladesh, Yemen and Sudan. Thirty-four scholars and academicians from prominent overseas Universities took part and they focused on the latest practices related to teaching and learning of language skills. The presenters offered their working papers in three languages – Malay, Arabic and English. Delivering his welcoming remarks was the Director of CPKL, Dr

Salah Sebouai, who highlighted the importance of the teaching and learning of language skills.

The two-day seminar was amongst CPKL's continuing efforts in supporting the field of language teaching and learning by bringing together scholars and educators in an effort to share their research experiences and best practices.

Dr Salah added that the seminar intends to discuss new directions of research in language teaching and learning, especially in the era of the 'information explosion' that the world is facing today. He said the seminar is the first step toward future international events in encouraging the implementation of modern technology as well as the practical application of theories in the teaching and learning of language skills.

During the seminar, the speakers discussed the development of modern linguistic studies in teaching and learning Arabic language as well as exchanging views on the latest and effective methodologies in teaching and learning language skills.

المؤتمر العالمي لمهارات اللغة العربية بمركز تنمية العلوم واللغات

عقد مركز تنمية العلوم واللغات بجامعة السلطان الشريف علي الإسلامية مؤتمراً عالمياً في الفترة ما بين 3 إلى 4 من فبراير 2016م عن: المهارات اللغوية للناطقين بغير اللغة الأم تعليمًا وتعلمًا: الواقع والآمال تحت شعار نحو اكتساب مهارات لغوية نافعة. وقد قدمت 34 ورقة بحثية تحت خمسة محاور هي: المهارات اللغوية تعليمًا وتعلمًا، والبيئة اللغوية: الواقع والآمال، والوسائل التكنولوجية، الطرائق الحديثة في تعليم المهارات، وأخيرًا مقررات تعليم المهارات وتعلمها: الواقع والآمال. ومن أهداف المؤتمر: عرض جهود المركز في تعليم المهارات في الأقليم، وتبادل الآراء بين أصحاب الاختصاص، والوقوف على أفضل التجارب والأساليب التعليمية، وتفعيل استخدام التكنولوجيا في التعليم والتعلم، وإبراز دور الدراسات اللغوية المعاصرة في خدمة اللغة العربية، والاطلاع على المناهج اللغوية الحديثة، وتذليل عقبات تعليم المهارات اللغوية. وقد شارك في هذا المؤتمر عدد كبير من العلماء والباحثين محليًا وخارجيًا.



الدكتور غسان الشاطر، المتحدث الرئيس في المؤتمر من جامعة نزوى سلطنة عمان يقدم ورقته الرئيسية.



Forum Perdana Ekonomi Islam dipengerusikan oleh Awang Muhd. Khairul Hidayatullah bin Haji Basir (hujung kiri) bersama ahli-ahli panel forum terdiri daripada Profesor Dr Ashraf bin Mohd. Hashim, Timbalan Pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang (dua dari kiri), Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Zakaria bin Bahari (dua dari kanan) dan Dr Hajah Rose binti Abdullah, Pensyarah Kanan FPSP UNISSA, (hujung kanan).

Forum Perdana Ekonomi Islam 2016 & Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) Antara FPSP UNISSA Dan ISRA

Bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang mudarat pembaziran harta selain mencambah pemikiran tentang tatacara pengurusan harta peribadi yang terbaik menurut pandangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (FPSP) buat julung-julung kalinya menganjurkan Forum Perdana Ekonomi Islam 2016M.

Forum bertemakan 'Pengurusan Harta Peribadi Menurut Pandangan Islam' dihadiri oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis Ilmu berkenaan telah diadakan di Auditorium UNISSA itu sangat sesuai dengan fungsi FPSP sebagai sebuah pusat kecemerlangan akademik tempatan yang secara berterusan memberikan khidmat bimbingan dan nasihat kepada masyarakat dalam bidang berkaitan khasnya berhubung dengan isu perekonomian, kewangan dan pengurusan Islam.

Antara objektif forum ini adalah bagi menambah ilmu pengetahuan dan pemahaman kepada semua peserta mengenai konsep harta, konsep Istikhlaf dan kewajipan mengurus harta menurut pandangan Islam. Forum dipengerusikan oleh Penolong Pensyarah FPSP UNISSA, Awang Muhd. Khairul Hidayatullah bin Haji Basir, manakala ahli-ahli panel forum pula terdiri daripada Penyelidik Kanan/Ketua Pegawai Eksekutif International Sharia Research Academy (ISRA) Consultancy Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dr Ashraf bin Mohd. Hashim; Timbalan Pengarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Zakaria bin Bahari serta Pensyarah Kanan FPSP UNISSA dan Pengarah Pusat Penerbitan dan Penyelidikan, Dr Hajah Rose binti Abdullah.

Pada forum tersebut, Yang Berbahagia Profesor Dr Ashraf memberi gambaran menyeluruh mengenai tanggungjawab seorang Muslim dalam perkara berkaitan dengan muamalat selain menyentuh mengenai dengan usaha terkini kewangan Islam misalnya 'stock screening', KWSP-I, wakaf, SRI rukuk, Islamic Investment Account, Islamic Crowd Funding dan lain-lain demi menjadikan muamalat patuh kepada syariat secara menyeluruh.

Sementara itu, Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Zakaria pula membincangkan mengenai dengan konsep harta dan fungsi harta dari sudut Islam, bagaimana ia diperolehi, dapat dirawat dan dibelanjakan, yang mana konsep harta ini juga akan dilihat dari sudut jenisnya iaitu mudah alih dan tak mudah alih. Manakala Dr Hajah Rose menyentuh mengenai prinsip-prinsip dan batas-batas dalam pengurusan harta peribadi mengikut pandangan Al-Quran dan Al-Sunnah iaitu dari segi perolehan, perancangan dan pengembangan. Beliau juga menekankan mengenai pentingnya amalan menabung dibandingkan dengan amalan berhutang.

Forum Perdana Ekonomi Islam 2016 merupakan satu wadah ilmiah yang efektif untuk mengupas isu-isu semasa secara bersistematik dan telah dihadiri oleh 250 peserta.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara FPSP UNISSA dan ISRA.



Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang disaksikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (tengah), Rektor UNISSA, Dr Haji Norfarhan bin Haji Zainal (hujung kiri) dan Penyelidik Kanan/Ketua Pegawai Eksekutif International Sharia Research Academy (ISRA) Consultancy Malaysia, Yang Berbahagia Profesor Dr Ashraf bin Mohd. Hashim (hujung kanan).

Russian Envoy Meets With The Rector Of UNISSA



Russian Ambassador Vladen Stanislavovich Semivolos (left) receiving a souvenir from Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, Rector of UNISSA.

On 9 February 2016, the Russian Ambassador to Brunei met with the Rector of Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) to discuss future collaborations that could further strengthen bilateral cooperations with Brunei.

A press statement from UNISSA stated that in a meeting with Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal, the Russian Ambassador Vladen Stanislavovich Semivolos expressed an interest over having exchange programmes in Islamic studies between the two countries.

Having the exchange, he said, would be beneficial as both Brunei and Russia have their own Islamic heritage and culture to be studied together.

Russia, he said, currently has four universities offering Islamic studies courses conducted in Arabic, similar to UNISSA, so he was positive that having the exchanges may boost cooperation between the two countries.

UNISSA Receives Delegates From US

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) on 8 Jamadilawal 1437 correspondence to 17 February 2016 received a visit from US delegates led by Daniel Nadel, the Director Office of International Religious Freedom, along with Allison M Carragher, a Political, Economic and Consular officer from the US Embassy in Brunei Darussalam.

The purpose of the visit was to gain information regarding the courses offered by UNISSA and also to explore the requirements needed for international

students to enrol there.

The tour was hosted by the Dean of Faculty of Syariah and Law, Dr Hajah Masnooraini binti Haji Mohiddin. She talked about the history of the development of Islam in Brunei Darussalam up until the time UNISSA was founded.

Also present were the director of International and Public Relations Office and a few lecturers from UNISSA.

A group photo of UNISSA Officials with the US delegates, Daniel Nadel (5th row from the right) and Allison M Carragher (4th row from the right).



UNISSA Receives Visitors From UMPAR South Sulawesi



Officials from Universitas Muhammadiyah Parepare (UMPAR) having a group photo with the Deputy Rector of UNISSA, Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (3rd row from the right, front), and Assistant Rector, Dr Arman bin Haji Asmad (1st row from left, front).

The Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) on 27 Rabiulakhir 1437 correspondence to 6 February 2016 received a visit from Universitas Muhammadiyah Parepare (UMPAR), South Sulawesi as a sign of recognition of the institute being a leading Islamic university in the Asian region.

The mutual visit was intended to strengthen ties between the two universities as well as conduct a discussion of understanding in sharing their expertise.

The visit was chaired by Dr Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, Deputy Rector of UNISSA.

Meanwhile, Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim, Director of Centre for Postgraduate Studies and Research, conducted a presentation pertaining to the description of the historical development of Islam in Brunei Darussalam until the establishment of UNISSA.

The delegation from UMPAR, South Sulawesi was led by Vice Rector II, Ahmad Selao, STP, MT.

Also present were Shinta Hapsari, First Secretary of the Indonesian Embassy in Brunei; Dr Arman bin Haji Asmad, Assistant Rector of UNISSA; and other officers and students of postgraduate studies at UNISSA.

UNISSA Is Planning To Publish Shafi'i Encyclopedia

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) is planning to publish an encyclopaedia on the Shafi'i school of thought, or Mazhab Shafi'i.

The Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal said in an effort to further elevate UNISSA's academic status, staff at the university are determined to conduct a wide range of research for the encyclopedia.

"The encyclopedia will have four volumes and summaries related to the four schools of thought under Ahli Sunnah Wal Jamaah (Islamic theology) which are Shafi'i, Hanbali, Maliki and Hanafi," he said.

"We are conducting research on various fields such as the economy, law, ibadah (worship), business practices, religious rites and other important matters related to the Shafi'i theology. It will also include definitions, articles, timelines and illustrations," he said.



The Rector of UNISSA, Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal being interviewed about the plan of making the Shafi'i Encyclopedia.

He said lecturers at the university who are conducting research for the encyclopedia have their own skills and excel in specific knowledge.

"Every field is related to Islamic teachings. For instance, Mazhab Shafi'i also explains hukum (religious rulings) in business practices."

He added that the presence of foreign academic staff from Al-Azhar University and Cairo University is making it easy to conduct research for the book.

Dr Haji Norarfan said UNISSA through its Centre of Mazhab Shafi'i began compiling information for the encyclopedia last year and recently completed the first chapter. He said the encyclopedia will also feature three different languages; Malay, English and Arabic.

"Once we're done with the project in 2017, the encyclopaedia can be one of the contributions of Brunei for Muslims worldwide. Hopefully, it can benefit the general public for research purposes or anyone looking for reliable information on hukum in most aspects of life."

UNISSA Press Sertai Pesta Buku Brunei 2016



Pesta Buku Brunei 2016 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah diadakan bermula 7 hingga 16 Jamadilawal 1437H bersamaan 26 Februari hingga 6 Mac 2016M. Antara tujuan utama pesta buku ini adalah untuk mengenalkan dan menjual buku serta memberikan peluang dan interaksi bagi pengedar, penerbit, pustakawan, pencinta buku dan masyarakat umum dibawah satu bumbung untuk meningkatkan daya apresiasi terhadap buku.

Antara yang menyertai pesta buku tersebut ialah UNISSA Press. Pesta buku ini sedikit sebanyak memberi peluang kepada pihak UNISSA Press untuk memasarkan dan

mempromosi buku-buku terbitan UNISSA, disamping mencari peluang pasaran buku. Pada Pesta Buku Kali ini, UNISSA Press telah berhasil menjual 100 buah buku sepertimana yang telah disasarkan.

Majlis Perasmian Buku Brunei dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2016 telah diadakan pada 18 Jamadilawal 1437H bersamaan 27 Februari 2016 bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Hadir selaku wakil peribadi Yang Berhormat Pehin Datu Laila Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai tetamu kehormat dan seterusnya

merasmikan pesta itu ialah Yang Mulia Datin Paduka Dr Hajah Nurlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Majlis penyampaian hadiah dan penghargaan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2016 pula telah berlangsung pada 25 Jamadilawal 1437H bersamaan 5 Mac 2016M bertempat di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Hassanal Bolkiah, Berakas. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Yang Mulia Datin Paduka Dr Hjh Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

UNISSA And USIM Agree To Forge Closer Links

